

Pemprofesionalan Amalan Terjemahan dan Kejurubahasaan di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

Mohamed Zain Sulaiman ^a

zain@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Intan Safinaz Zainudin ^b

intansz@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Haslina Haroon

haslina@usm.my

Universiti Sains Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Amalan terjemahan dan kejurubahasaan (T&K) sudah lama bertapak di Malaysia dan semakin rancak berkembang, namun ia masih dilaksanakan tanpa sebarang kerangka profesional yang dapat memelihara integriti, status dan mutu perkhidmatan T&K. Selaras dengan usaha pemprofesionalan T&K yang giat dilaksanakan di serata dunia terutamanya di negara maju, Malaysia perlu mengambil langkah yang sama. Untuk menggerakkan usaha pemprofesionalan amalan terjemahan di Malaysia, kajian ini melakukan satu tinjauan awal terhadap landskap semasa amalan T&K di Malaysia dan contoh model pemprofesionalan T&K di negara maju. Landskap semasa amalan T&K di Malaysia dikaji menggunakan kaedah kajian dokumen, perbincangan meja bulat dan tinjauan soal selidik terhadap pengamal terjemahan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang organisasi penterjemah dan jurubahasa, penyedia program pendidikan dan latihan T&K, dan pengamal T&K serta pandangan mereka tentang usaha pemprofesionalan. Sementara itu, model pemprofesionalan negara maju yang dipilih untuk kajian ini ialah model yang diguna pakai di United Kingdom dan Australia. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa landskap semasa industri T&K di Malaysia sudah bersedia untuk memulakan proses pemprofesionalan. Namun demikian, proses tersebut memerlukan satu pendekatan tersendiri yang berbeza dengan profesion lain. Proses tersebut perlu bersifat sukarela kecuali untuk sektor terjemahan tertentu, dan perlu mengambil kira peranan pengamal bukan profesional dalam masyarakat. Proses tersebut juga perlu diterajui oleh sebuah badan yang tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan. Selain itu, satu kod etika profesional dan daftar pengamal profesional dengan akses terbuka perlu diwujudkan. Akhir sekali, untuk memastikan kelancaran proses pemprofesionalan tersebut, satu kempen kesedaran tentang profesion T&K perlu dilancarkan.

Kata kunci: Amalan terjemahan; amalan kejurubahasaan; pemprofesionalan; penterjemah profesional; jurubahasa profesional

^a Penulis utama

^b Penulis koresponden

The Professionalisation of Translation and Interpreting Practice in Malaysia: A Preliminary Study

ABSTRACT

Although the practice of translation and interpreting (T&I) has long existed in Malaysia and is developing rapidly, it still lacks a professional framework, the purpose of which is to preserve the integrity, status, and quality of T&I services. In line with the current development of T&I across the world and the professionalisation of T&I practice especially in developed countries, it is timely for Malaysia to take the necessary steps in the same direction. With the intention of moving the professionalisation agenda forward, this study conducts a preliminary investigation on the current landscape of T&I practice in Malaysia and on examples of professionalisation models adopted in developed countries. The current landscape of T&I practice in Malaysia is examined using document review, roundtable discussions and a survey to obtain up-to-date information on translator and interpreter organisations, T&I education and training providers, and T&I practitioners and their views on professionalisation. Meanwhile, the professionalisation models of developed countries selected for the study are those of the UK and Australia. Findings of the study suggest that the current landscape of the Malaysian T&I practice is ready for the professionalisation process. Nevertheless, this process requires a unique approach which is different from that adopted for other professions. The process must be voluntary in nature except for certain T&I subfields and must take into consideration the role of non-professionals in society. Furthermore, the body in charge of the professionalisation process must not have any conflict of interest. A professional code of ethics, and an open-access professional register must also be created. Finally, an awareness campaign on the T&I profession must be launched.

Keywords: Translation practice; interpreting practice; professionalisation; professional translator; professional interpreter

PENGENALAN

Terjemahan dan kejurubahasaan secara umumnya merujuk prosedur yang melibatkan pemindahan mesej daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Istilah ‘terjemahan’ (*translation*) digunakan untuk merujuk terjemahan bertulis, manakala istilah ‘kejurubahasaan’ (*interpreting*) merujuk terjemahan bahasa lisan dan bahasa isyarat (*sign language*) (Munday 2016). ‘Penterjemah’ pula merujuk pengamal terjemahan manakala ‘jurubahasa’ merujuk pengamal kejurubahasaan (Ibrahim-Gonzales 2013). Dalam makalah ini, istilah ‘terjemahan’ merangkumi terjemahan dan kejurubahasaan manakala istilah ‘penterjemah’ merangkumi penterjemah dan jurubahasa, kecuali jika konteks dan penggunaan bahasa menunjukkan sebaliknya.

Peranan terjemahan pada abad ke-21 kini menjadi semakin penting dan mencabar. Dengan arus globalisasi dan mobiliti yang meningkat pesat, terjemahan kini merupakan satu keperluan bagi memastikan kelangsungan urusan manusia dalam kehidupan seharian termasuk urusan ekonomi, hubungan antarabangsa, peralihan ilmu dan teknologi, keamanan antarabangsa, kefahaman silang budaya dan bagi membentuk identiti bangsa di persada dunia. Rentetan daripada perkembangan ini, amalan terjemahan sejak empat dekad yang lalu telah mula melalui proses

pemprofesionalan di beberapa negara (lihat Stejskal 2005; Hlavac 2013; Pym, Grin, Sfreddo & Chan 2012). ‘Pemprofesionalan’ merujuk proses menaik taraf sesebuah pekerjaan dan mentransformasikannya kepada sebuah profession yang diiktiraf dalam masyarakat (Boéri 2015). ‘Profesion’ pula merupakan istilah yang secara umumnya digunakan oleh pekerja (profesional) untuk merujuk sekumpulan individu yang berpegang kepada standard etika dan diiktiraf oleh masyarakat umum sebagai mempunyai kepakaran khusus dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan yang dipelajari, diajari dan dikembangkan melalui proses pendidikan, latihan dan penyelidikan, dan bersedia untuk menggunakan kemahiran mereka demi kepentingan orang lain (*Australian Council of Professions* 2003). Objektif utama usaha pemprofesionalan bidang terjemahan adalah:

- (a) menaik taraf amalan terjemahan daripada satu pekerjaan yang berstatus rendah, dipinggirkan dan tidak menerima pengiktirafan masyarakat, kepada satu kerjaya profesional yang diiktiraf secara rasmi sesuai dengan fungsi dan peranannya dalam masyarakat;
- (b) mengawal mutu perkhidmatan terjemahan;
- (c) mengawal perkhidmatan terjemahan yang mempunyai implikasi perundangan atau perubatan dan yang boleh menjejaskan kesihatan, keselamatan, nyawa, kebajikan atau hak individu (*prejudicial texts*);
- (d) membolehkan masyarakat membezakan antara penterjemah terlatih dan penterjemah yang tidak terlatih;
- (e) meningkatkan kredibiliti penterjemah yang terlatih dan berkelayakan; dan
- (f) meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan penterjemah yang terlatih dan berkelayakan.

(Sulaiman, Zainudin & Haroon 2021)

Negara yang terkehadapan dalam pemprofesionalan amalan terjemahan dan mempunyai sistem pemprofesionalan mantap yang boleh dijadikan contoh ialah Australia dan United Kingdom (Hlavac 2013; Pym et al. 2012). Selain Australia dan United Kingdom, banyak negara lain juga yang telah memprofesionalkan amalan terjemahan dengan mewujudkan mekanisme pentauliahan penterjemah (lihat Stejskal 2005; Pym et al. 2012; Hlavac 2013).

KAJIAN LEPAS BERKENAAN PEMPROFESIONALAN AMALAN TERJEMAHAN

Selari dengan perkembangan semasa proses pemprofesionalan amalan terjemahan di serata dunia, penyelidikan dalam bidang pengajian terjemahan juga telah memberi tumpuan terhadap aspek tersebut sepanjang dua dekad yang lalu. Sorotan literatur bersistematik terhadap kajian lepas yang dijalankan oleh Sulaiman et al. (2024) menunjukkan bahawa bidang terjemahan merupakan satu bidang pekerjaan yang unik dan sangat berbeza dengan profesion-profesion lain. Oleh itu, pendekatan yang diambil untuk memprofesionalkan amalan terjemahan perlu mengambil kira ciri-ciri unik tersebut. Salah satu perbezaan yang ketara ialah cara ilmu pengetahuan dan kemahiran menterjemah itu diperolehi. Tidak seperti kebanyakan bidang kerjaya, ilmu dan kemahiran menterjemah biasanya tidak bermula pada peringkat pengajian tinggi. Sebaliknya ia bermula jauh lebih awal dan berterusan untuk satu tempoh yang agak lama. Kemahiran menterjemah tidak hanya melibatkan penguasaan sekurang-kurangnya dua bahasa, tetapi juga penguasaan selok-belok adat, budaya, kepercayaan, nilai, dan ideologi masyarakat yang menutur bahasa-bahasa tersebut

(Sulaiman & Wilson 2018). Tahap kemahiran bahasa dan budaya sebegini rupa kebiasaannya bermula secara semula jadi dari usia awal menerusi proses sosialisasi termasuk pembelajaran secara sedar (*conscious*) dan bawah sedar (*unconscious*) serta interaksi dengan keluarga dan masyarakat (Sulaiman & Wilson 2019).

Berdasarkan fenomena tersebut, ramai orang tergolong dalam golongan yang boleh bertutur berbilang bahasa dan budaya, dan hal ini menyebabkan mereka memiliki sedikit pengetahuan dan kemahiran asas untuk menterjemah meskipun secara bukan profesional. Malah, amalan terjemahan bukan profesional yang dilakukan oleh penterjemah yang tidak terlatih telah menjadi satu fenomena yang meluas dan merentasi pelbagai situasi terutamanya dalam konteks konflik dan krisis (Pérez-González & Susam-Saraeva 2012; Grbić & Kujamaki 2018) yang amat memerlukan kemahiran mereka. Oleh itu, mengehendkan aktiviti tersebut kepada penterjemah profesional merupakan sesuatu yang tidak sesuai, bahkan hampir mustahil. Malah, sarjana terkemuka pengajian terjemahan, Pym et al. (2012) mengesyorkan supaya aktiviti terjemahan digalakkan bagi memperkasakan komunikasi antara budaya. Beliau menyarankan agar proses pemrofesionalan amalan terjemahan tidak dilaksanakan semata-mata berdasarkan konsep 'kawalan' (*control*) (Larson 1979), dengan mengawal siapa yang boleh dan tidak boleh menjadi pengamal, seperti dalam profesion doktor perubatan dan peguam. Sebaliknya, tumpuan perlu diberikan pada konsep 'pengisyaratan' (*signalling*) (Spence 1973; Pym et al. 2012), iaitu menunjukkan siapa yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran menterjemah. Konsep tersebut melibatkan mekanisme pengisyaratan yang mampu membuktikan kelayakan dan kemahiran penterjemah kepada majikan, klien dan masyarakat umum.

Kajian lepas yang membincangkan pemrofesionalan terjemahan juga mengetengahkan beberapa aspek penting untuk memacu proses pemrofesionalan amalan terjemahan terutamanya peranan organisasi penterjemah, kod etika pengamal terjemahan, dan daftar pengamal. Proses pemrofesionalan amalan terjemahan bukan sahaja memerlukan usaha individu para pengamal, tetapi lebih daripada itu, ia memerlukan penglibatan kolektif, atau dengan lebih tepat, campur tangan organisasi-organisasi penterjemah (Dybiec-Gajer 2014). Organisasi-organisasi ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan industri terjemahan dan pemberian pentauliah, pensijilan atau keahlian kepada para pengamal yang layak (Hlavac 2013; Pym et al. 2012). Institusi-institusi ini juga memainkan peranan utama dalam merangka kod etika pengamal (McDonough Dolmaya 2011) dan penyediaan daftar pengamal profesional yang boleh diakses oleh masyarakat (De Boe 2015). Selain itu, penyedia pendidikan dan latihan terjemahan juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Hal ini demikian kerana program-program pendidikan dan latihan terjemahan dianggap sebagai elemen utama dalam proses pemrofesionalan amalan terjemahan (Sulaiman et al. 2024). Untuk menjayakan proses pemrofesionalan, organisasi-organisasi penterjemah serta penyedia pendidikan dan latihan terjemahan perlu berada dalam keadaan bersedia untuk menghadapi proses tersebut. Yang paling penting, usaha pemrofesionalan tersebut perlu mendapat sokongan para pengamal. Tanpa sokongan tersebut, usaha tersebut berkemungkinan besar akan menghadapi kegagalan (Chan 2008).

Dapatan sorotan literatur bersistematik terhadap kajian lepas yang dijalankan oleh Sulaiman et al. (2024) seperti yang dijelaskan di atas dijadikan panduan dan batu asas untuk kajian ini. Tumpuan diberikan pada aspek-aspek pemrofesionalan yang dikenal pasti oleh sorotan literatur tersebut, terutamanya aspek organisasi terjemahan, program pendidikan dan latihan terjemahan, pandangan pengamal terjemahan, serta mekanisme 'pengisyaratan' yang sesuai digunakan bagi membuktikan kelayakan dan kemahiran pengamal terjemahan di Malaysia.

SEJARAH AMALAN TERJEMAHAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, sejarah kegiatan terjemahan boleh dikesan sejak zaman pramoden melalui terjemahan hikayat-hikayat tamadun India dan Arab serta kitab-kitab agama, sehingga ke terjemahan bahan-bahan milik kuasa asing dengan kedatangan mereka ke Alam Melayu ketika era Kesultanan Melayu Melaka (Muhd Mansur 1991). Kegiatan terjemahan ini berterusan sehingga abad ke-20 dengan ketibaan penjajah Barat. Sepanjang tempoh ini, kegiatan terjemahan dilakukan tanpa sebarang sistem terancang dan tidak diselia oleh mana-mana badan khas.

Keadaan ini berubah dengan penubuhan Pejabat Karang Mengarang (PKM) di Maktab Perguruan Sultan Idris (kini Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)) pada tahun 1924 untuk memenuhi keperluan buku-buku teks sekolah. Apabila Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada tahun 1956, fungsi PKM dipindahkan ke DBP, yang mengambil alih kerja terjemahan melalui Bahagian Terjemahan DBP. Pada tahun 1978, peranan Bahagian Terjemahan DBP mula dibantu oleh Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) yang ditubuhkan pada tahun tersebut (Sharafah Haji Malek 1995). Pada tahun 1993, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) (kini Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)) ditubuhkan dan secara rasminya mengambil alih kerja terjemahan daripada Bahagian Terjemahan DBP. Penubuhan ITNM bertitik tolak daripada hasrat kerajaan untuk mewujudkan industri terjemahan selaras dengan haluan Malaysia menuju Wawasan 2020.

Meskipun kegiatan terjemahan sudah lama bertapak di Malaysia dan semakin rancak berkembang, ia masih dilakukan tanpa sebarang kerangka profesional yang dapat memelihara integriti, status dan mutu perkhidmatan terjemahan. Hampir dua dekad lalu, Ibrahim (2004) memerikan keadaan industri terjemahan di Malaysia seperti berikut:

Malangnya, penyedia perkhidmatan bahasa di sini (Malaysia) beroperasi dalam pasaran yang celaru dan tidak dikawal selia, yang mana sesiapa sahaja yang mengaku sebagai jurubahasa/penterjemah boleh bertindak sedemikian. Tidak seperti bidang perubatan dan undang-undang yang mana kemasukan, keahlian dan tingkah laku ahli dikawal, penyedia perkhidmatan bahasa tidak mempunyai peraturan sedemikian. Terdapat kebimbangan yang serius bahawa penterjemah dan jurubahasa boleh dan mungkin akan memutarbelitkan makna, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja.

(Ibrahim 2004, terjemahan penulis)

Keadaan yang digambarkan oleh Ibrahim (2004) masih berterusan ke hari ini. Selaras dengan perkembangan semasa proses pemrofesionalan terjemahan di serata dunia dan selaras dengan keperluan industri terjemahan di Malaysia, kini telah tiba masanya untuk Malaysia mengorak langkah ke arah pemrofesionalan amalan terjemahan. Untuk menggerakkan usaha pemrofesionalan amalan terjemahan di Malaysia, kajian ini melakukan satu tinjauan awal terhadap landskap semasa amalan terjemahan di Malaysia dan contoh model pemrofesionalan terjemahan di negara maju. Landskap semasa amalan terjemahan yang dikaji tertumpu kepada pemegang taruh utama industri terjemahan di Malaysia, iaitu organisasi penterjemah, penyedia program pendidikan dan latihan terjemahan, dan pengamal terjemahan. Aspek-aspek ini dikaji untuk mendapat gambaran tentang tahap sokongan dan kesediaan pihak-pihak berkaitan untuk menghadapi proses pemrofesionalan. Contoh model pemrofesionalan terjemahan di negara maju pula dikaji untuk mendapatkan maklumat berdasarkan pengalaman mereka dan untuk mengenal pasti amalan yang boleh diaplikasikan dalam konteks Malaysia.

METODOLOGI

Landskap semasa amalan terjemahan di Malaysia dikaji dengan menggunakan tiga kaedah penyelidikan: kajian dokumen, perbincangan meja bulat dan tinjauan soal selidik. Kaedah kajian dokumen dijalankan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang organisasi penterjemah serta program pendidikan dan latihan terjemahan yang wujud di Malaysia. Maklumat tersebut diperolehi daripada sumber-sumber rasmi terutamanya laman sesawang organisasi penterjemah serta penyedia latihan terjemahan. Kaedah kajian dokumen tersebut disusuli dengan perbincangan meja bulat yang melibatkan responden daripada dua organisasi penterjemah utama, iaitu Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dan Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM). Perbincangan meja bulat turut melibatkan sebuah institusi pengajian tinggi yang terkemuka dalam bidang terjemahan, iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Perbincangan meja bulat ini melibatkan enam orang responden yang merupakan ahli akademik bidang terjemahan yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan program terjemahan di universiti tersebut. Tujuan utama perbincangan yang diadakan dengan responden daripada tiga organisasi tersebut adalah untuk mengetahui sejauh mana sokongan organisasi tersebut terhadap usaha pemrofesionalan amalan terjemahan di Malaysia.

Tinjauan soal selidik pula dilakukan ke atas 310 orang pengamal terjemahan di Malaysia yang berdaftar dengan ITBM/PPM bagi mendapat pandangan pengamal terjemahan tentang usaha pemrofesionalan. Borang soal selidik yang digunakan untuk kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada soalan tentang maklumat demografi penterjemah, termasuk jantina, bangsa, kewarganegaraan, pengalaman bekerja, penguasaan bahasa, arah terjemahan dan latar belakang pendidikan. Bahagian kedua pula melibatkan aspek-aspek pemrofesionalan amalan terjemahan termasuk status penterjemah dalam masyarakat, pentauliah penterjemah, pendidikan dan latihan terjemahan, serta sokongan pengamal terhadap usaha pemrofesionalan. Terdapat empat jenis soalan dalam borang soal selidik ini iaitu (i) soalan tertutup menggunakan skala Likert 4 poin (1 = sangat tidak setuju, 2 = agak tidak setuju, 3 = agak setuju, 4 = sangat setuju), (ii) soalan yang jawapannya dalam bentuk “Ya” atau “Tidak”, (iii) soalan aneka pilihan jawapan dan, (iv) soalan terbuka.

Sementara itu, model pemrofesionalan negara maju yang dipilih untuk kajian ini ialah model yang dilaksanakan di United Kingdom oleh Chartered Institute of Linguists (CIoL), dan Institute of Translation and Interpreting (ITI), dan model yang dilaksanakan di Australia oleh National Accreditation Authority for Translators and Interpreters (NAATI). United Kingdom dan Australia merupakan antara negara yang paling berpengalaman dalam pemrofesionalan amalan terjemahan. Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang model-model pemrofesionalan tersebut, kaedah kajian dokumen dijalankan dengan meneliti segala jenis bentuk dokumen termasuk kajian lepas, laporan, dan laman sesawang rasmi organisasi berkenaan. Kajian dokumen kemudian disusuli dengan temu bual tidak berstruktur yang melibatkan pengurusan tertinggi organisasi-organisasi tersebut untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci tentang mekanisme ‘pengisytaran’ yang digunakan untuk membuktikan kelayakan dan kemahiran pengamal terjemahan.

LANDSKAP SEMASA AMALAN TERJEMAHAN DI MALAYSIA

ORGANISASI PENTERJEMAH DI MALAYSIA

Terdapat dua organisasi utama berkaitan penterjemah di Malaysia, iaitu Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), dan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM). PPM yang ditubuhkan pada tahun 1979 merupakan sebuah persatuan berdaftar di bawah naungan Dewan Bahasa dan Pustaka yang merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Fungsi utama PPM adalah memperjuang hak, status dan kepentingan penterjemah, meningkatkan status kerjaya penterjemah dalam masyarakat, menyediakan khidmat terjemahan, suntingan terjemahan dan pengesahan dokumen terjemahan, dan menyediakan latihan penterjemah. PPM merupakan penganjur utama siri Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (PPA), yang merupakan satu-satunya persidangan terjemahan yang dianjurkan di Malaysia setiap dua tahun sejak tahun 1984. PPM juga merupakan ahli penuh *Fédération Internationale des Traducteurs* (FIT), iaitu sebuah persekutuan antarabangsa yang menggabungkan persatuan-persatuan profesional penterjemah, jurubahasa dan pakar peristilahan.

Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia, ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1993 sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan. Modal asas ITBM dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) manakala pentadbirannya diselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebagai sebuah syarikat komersial yang bertanggungjawab memperkasakan industri terjemahan dan perbukuan negara, ITBM menyediakan enam perkhidmatan utama iaitu khidmat terjemahan, khidmat kejurubahasaan, khidmat suntingan, khidmat penerbitan, program latihan terjemahan, dan penjualan buku. Khidmat terjemahan dan kejurubahasaan ITBM dilaksanakan oleh barisan penterjemah dan jurubahasa sambilan yang berdaftar dengan organisasi tersebut.

Dalam perbincangan meja bulat yang dijalankan di PPM dan ITBM, responden daripada kedua-dua organisasi tersebut menyatakan sokongan mereka terhadap usaha untuk memprofesionalkan amalan terjemahan di Malaysia. PPM dan ITBM bersetuju bahawa satu sistem pentauliahan penterjemah yang sesuai dengan konteks Malaysia perlu dibangunkan untuk memprofesionalkan kerjaya terjemahan dan meningkatkan status penterjemah. Kedua-dua organisasi tersebut menyatakan kesediaan mereka untuk memainkan peranan yang penting dalam usaha memprofesionalkan termasuk menaung badan yang perlu diwujudkan bagi mengendalikan urusan pentauliahan penterjemah. Pada masa yang sama juga, ITBM dan PPM akur bahawa badan yang mengendalikan urusan pentauliahan penterjemah perlu bebas daripada sebarang percanggahan kepentingan.

Di samping dua organisasi utama di atas, terdapat beberapa organisasi penterjemah yang lain seperti yang dipaparkan pada JADUAL 1.

JADUAL 1. Organisasi penterjemah di Malaysia

Bil.	Nama Organisasi
1.	Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM)
2.	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
3.	Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (MyASLI)
4.	Kesatuan Jurubahasa dan Penterjemah Kementerian Kehakiman Malaysia Barat
5.	Persatuan Penterjemahan Dan Penulisan Kreatif Malaysia (The Association of Translation and Creative Writing Malaysia) (PERSPEKTIF)
6.	Persatuan Penterjemahan Dan Penulisan Kreatif Tamil, Malaysia (PENTAM) (Association of Translation and Tamil Creative Writing, Malaysia)
7.	Persatuan Penterjemah India Malaysia (PPIM)
8.	Persatuan Jurubahasa Dan Penterjemah Komuniti Pekak Selangor Dan Kuala Lumpur (Interpreters and Translators Association for Selangor and Kuala Lumpur Deaf Community) (JUPEBIM)
9.	Persatuan Penterjemah Orang Pekak, Selangor Dan Wilayah Persekutuan

Selain organisasi penterjemah, agensi-agensi perkhidmatan terjemahan juga memainkan peranan yang penting dalam industri terjemahan. Agensi-agensi ini merupakan jambatan yang menghubungkan pelanggan dengan penterjemah atau jurubahasa, dan memperoleh keuntungan daripada transaksi tersebut. Berdasarkan carian di Internet, anggaran bilangan agensi tempatan yang berdaftar sebagai perniagaan dan menawarkan perkhidmatan terjemahan adalah sekitar 72 agensi. Ini tidak termasuk agensi yang berdaftar sebagai penyedia perkhidmatan bahasa secara umum.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setakat ini tiada organisasi penterjemah atau jurubahasa di Malaysia yang terlibat dalam usaha pemrofesionalan termasuk penganugerahan pensijilan, pentauliahian atau keahlian profesional dalam erti kata sebenar. Dapatan juga menunjukkan masih belum ada kod etika yang telah dirangka secara rasmi untuk para pengamal. Dari segi daftar pengamal, walaupun organisasi-organisasi penterjemah yang dikaji mempunyai senarai pengamal yang berkhidmat dengan mereka atau senarai ahli yang menyertai organisasi mereka, senarai-senarai tersebut merupakan senarai dalaman yang tidak boleh diakses oleh masyarakat dan bukannya senarai pengamal profesional yang boleh diakses oleh semua.

PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TERJEMAHAN DI MALAYSIA

Program pendidikan dan latihan terjemahan di Malaysia ditawarkan oleh dua jenis organisasi: organisasi akademik dalam bentuk institusi pengajian tinggi (IPT) dan organisasi bukan akademik. IPT menawarkan latihan dan pendidikan terjemahan untuk menganugerahkan kelayakan akademik pada peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Terdapat juga IPT yang menawarkan kursus-kursus elektif terjemahan dalam bentuk kursus berdiri sendiri (*stand-alone*) (lihat JADUAL 2).

JADUAL 2. IPT yang menawarkan latihan dan pendidikan terjemahan di Malaysia

Bil.	IPT	Kursus-kursus elektif	Diploma	Sarjana muda	Sarjana kerja kursus	Sarjana / doktor falsafah
1.	USM	√		√	√	√
2.	UPM	√				√
3.	KUIS	√		√		
4.	MSU		√	√		
5.	UKM	√				
6.	UM	√				
7.	UiTM	√				
8.	IIUM	√				
9.	UMS	√				
10.	UNIMAS	√				
11.	UUM	√				
12.	UPSI	√				
13.	USIM	√				
14.	UNiSZA	√				
15.	UMK	√				
16.	UNM (Nottingham)	√				
17.	Southern UC	√				
18.	UTAR	√				
19.	TARC	√				
20.	UCSI	√				

Selain program akademik yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi, terdapat juga program latihan terjemahan yang ditawarkan oleh organisasi bukan akademik. Kursus-kursus ini memberi penekanan terhadap aspek amalan atau praktik terjemahan. Tenaga pengajar bagi kursus sebegini dipilih daripada IPT dan/atau pengamal bidang yang berpengalaman. Organisasi-organisasi tersebut adalah seperti dalam JADUAL 3.

JADUAL 3. Organisasi bukan akademik yang menawarkan pendidikan dan latihan terjemahan di Malaysia

Organisasi bukan akademik	
1.	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
2.	Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM)
3.	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
4.	RC Deaf Missions Malaysia dengan kerjasama Philippine Association of Interpreters for Deaf Empowerment (PAIDE)
5.	Persatuan Orang Pekak Malaysia (MFD) dan Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (MyASLI) dengan kerjasama BERNAMA TV dan ITBM

Pendidikan dan latihan terjemahan di Malaysia memaparkan perkembangan yang menggalakkan, dengan kewujudan institusi latihan bersifat akademik dan latihan berterusan. Berdasarkan bilangan program latihan terjemahan yang ditawarkan di negara ini oleh beberapa universiti dan organisasi bukan akademik, bidang terjemahan ternyata sudah mula memiliki keupayaan dan tenaga pengajar untuk menyediakan latihan. Lebih kurang dua dekad yang lalu, Bell dan Ibrahim (1997) dan Ibrahim (2007) menyatakan bahawa terdapat kekurangan pendidikan formal dan latihan berterusan, tetapi senario semasa bagi pendidikan dan latihan terjemahan jelas menunjukkan perkembangan yang positif. Perkembangan ini dijangka bakal melahirkan lebih

ramai penterjemah yang terlatih dari segi teori dan praktikal untuk memenuhi keperluan industri tempatan.

Hasil perbincangan meja bulat yang dijalankan dengan pengurusan dan tenaga pengajar terjemahan di Universiti Sains Malaysia menunjukkan bahawa mereka menyokong usaha pemrofesionalan amalan terjemahan di Malaysia. Pada pendapat mereka, usaha ini akan menjamin mutu terjemahan yang dihasilkan oleh industri terjemahan negara. Mereka turut menyatakan kecenderungan mereka terhadap model pemrofesionalan yang menggunakan kaedah ujian pentauliahan/pensijilan seperti yang diamalkan oleh NAATI di Australia. Menurut mereka, pentauliahan penterjemah merupakan satu mekanisme yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan program terjemahan. Dengan adanya sistem pentauliahan juga, IPT yang menawarkan program ijazah dalam bidang terjemahan dapat melantik penterjemah bertauliah daripada industri untuk memberikan latihan praktikal kepada pelajar IPT dalam pelbagai pasangan bahasa dan arah terjemahan. Responden USM juga menekankan kepentingan kerjasama antara semua pihak berkepentingan terutamanya IPT, industri dan badan pentauliah penterjemah untuk menjayakan usaha pemrofesionalan ini.

PANDANGAN PENGAMAL TERJEMAHAN DI MALAYSIA TENTANG PEMPROFESIONALAN


Tinjauan soal selidik yang dijalankan terhadap pengamal terjemahan di Malaysia menunjukkan bahawa 10 arah terjemahan teratas yang terlibat dalam industri terjemahan tempatan melibatkan bahasa seperti dalam JADUAL 4.

JADUAL 4. 10 arah terjemahan teratas yang terlibat dalam industri terjemahan tempatan


No.	Bahasa
1	Inggeris → Melayu
2	Melayu → Inggeris
3	Arab → Melayu
4	Inggeris → Arab
5	Melayu → Arab
6	Arab → Inggeris
7	Mandarin → Inggeris
8	Inggeris → Mandarin
9	Melayu → Mandarin
10	Mandarin → Melayu

Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu merupakan pasangan bahasa yang paling banyak terlibat dalam industri terjemahan di Malaysia, diikuti pasangan bahasa Arab-Melayu, Inggeris-Arab, Inggeris-Mandarin, dan Melayu-Mandarin. Hal ini menunjukkan bahawa sebarang usaha pemrofesionalan perlulah bermula dengan pasangan-pasangan bahasa tersebut yang merekodkan permintaan yang paling tinggi.

Secara umumnya, kajian mendapati bahawa majoriti (84.84%) penterjemah berpuas hati dengan kerjaya mereka (RAJAH 1). Daripada sudut yang lebih khusus pula, 53% menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi masalah mendapat kerja terjemahan, dan 65% didapati berpuas hati dengan bayaran yang diterima dengan purata bayaran sebanyak RM0.30 bagi setiap patah perkataan.




RAJAH 1. Kepuasan hati penterjemah dengan kerjaya mereka




RAJAH 2. Pendapat penterjemah tentang kepentingan mereka kepada masyarakat

Majoriti responden (94.84%) juga menganggap diri mereka memainkan peranan yang penting dalam masyarakat (RAJAH 2). Namun demikian, sejumlah besar penterjemah (54.52%) merasakan bahawa status sosial kerjaya mereka adalah rendah dan menganggap bahawa masyarakat tidak memandang tinggi terhadap kerjaya mereka (RAJAH 3). Apabila ditanya “mengapa anda merasakan bahawa penterjemah tidak dipandang tinggi oleh masyarakat”, antara sebab yang dipilih ialah kekurangan kesedaran dalam kalangan masyarakat, terjemahan merupakan pekerjaan sampingan, bayaran rendah, dan ketiadaan undang-undang berkaitan. Dapatan ini konsisten dengan kajian lepas di negara lain yang mendapati bahawa terdapat jurang yang besar antara tanggapan penterjemah tentang diri mereka dan tanggapan masyarakat terhadap mereka. Walaupun dalam kalangan para penterjemah mereka berpuas hati dengan kerjaya mereka (Katan 2011; Setton & Gio Liangliang 2011), serta menganggap diri mereka sebagai pakar, dan bidang terjemahan sebagai satu profesion yang penting dan berstatus tinggi (Chan & Liu 2013; Ruokonen & Mäkisalo 2018), masyarakat secara umumnya menganggap bidang terjemahan sebagai pekerjaan yang tidak berstatus tinggi (Dam & Zethsen 2008, 2009, 2011, 2014, 2016; Liu 2021).

Antara punca utama pekerjaan penterjemah tidak diberi penghargaan dan pengiktirafan yang sewajarnya oleh masyarakat dan dianggap sebagai berstatus rendah ialah beberapa salah tanggapan tentang kepakaran yang diperlukan untuk menterjemah dan peranan penterjemah (Dam & Zethsen, 2011). Salah satu salah tanggapan yang telah sekian lama wujud dalam kalangan masyarakat ialah kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pengamal terjemahan hanyalah kemahiran dwibahasa (Angelelli 2020). Dalam erti kata lain, menurut tanggapan tersebut, sesiapa sahaja yang mahir dalam dua bahasa yang berbeza layak menjadi penterjemah untuk pasangan bahasa tersebut. Akibat tanggapan tersebut oleh masyarakat, pasaran terjemahan dipenuhi ‘pengamal terjemahan’ yang tidak terlatih dan tidak berkelayakan. Fenomena ini merupakan salah satu faktor yang mendorong usaha pemrofesionalan amalan terjemahan di serata dunia dengan tujuan memelihara integriti kerjaya tersebut dan menaik taraf statusnya kepada sebuah profesion yang diiktiraf umum (Sulaiman et al. 2024).




RAJAH 3. Masyarakat memandang tinggi terhadap kerjaya penterjemah



RAJAH 4. Pentauliahan penterjemah bermanfaat kepada industri tempatan

Untuk mengatasi masalah persepsi masyarakat terhadap penterjemah, majoriti responden (91.61%) bersetuju bahawa pemrofesionalan penterjemah akan memanfaatkan industri tempatan (RAJAH 4) dan akan memperbaiki persepsi orang awam (93.23%) terhadap kerjaya penterjemah (RAJAH 5). Oleh yang demikian, hampir semua responden (98.39%) menyokong usaha pemrofesionalan amalan terjemahan di Malaysia (RAJAH 6).




RAJAH 5. Pentauliahan akan memperbaiki persepsi masyarakat terhadap kerjaya penterjemah




RAJAH 6. Sokongan pengamal terjemahan terhadap usaha pemrofesionalan

Memandangkan program pendidikan/latihan akademik merupakan elemen utama dalam proses pemrofesionalan, responden ditanya tentang kelayakan akademik mereka dalam bidang terjemahan. Hanya 15.48% mempunyai kelayakan akademik (seperti ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana) dalam bidang terjemahan (RAJAH 7). Untuk menjayakan proses pemrofesionalan,

majoriti responden (93.23%) menyatakan kesediaan mereka untuk menjalani latihan yang diperlukan untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan mereka berkaitan terjemahan (RAJAH 8). Lebih 90% responden juga bersetuju bahawa satu kod etika bagi penterjemah perlu dibangunkan bagi tujuan pemrofesionalan. Mereka juga bersetuju bahawa kod etika tersebut akan membantu pengamal menghasilkan kerja yang bermutu dan profesional. Mereka juga berpendapat bahawa kod etika tersebut perlu dibangunkan oleh pengamal-pengamal terjemahan sendiri. Dapatan di atas menunjukkan bahawa pengamal terjemahan di Malaysia kini sudah bersedia untuk menghadapi proses pemrofesionalan dan menunjukkan reaksi yang amat positif terhadap usaha tersebut.



RAJAH 7. Penterjemah dengan kelayakan akademik dalam bidang terjemahan




RAJAH 8. Kesediaan penterjemah untuk menjalani latihan akademik bagi meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan

CONTOH MODEL PEMPROFESIONALAN AMALAN TERJEMAHAN

AUSTRALIA

Di Australia, pemrofesionalan industri terjemahan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pensijilan/pentauliahan penterjemah. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling banyak digunakan di seluruh dunia (Idzikowska, 2015; Kivilehto & Salmi, 2017; Koby & Champe 2013; Korol 2020; Mikkelson 2013; Ordóñez-López 2020; Salmi & Kinnunen 2015; Skyba 2014; Vigier, Klein & Festinger 2013), malah merupakan kaedah paling berkesan untuk menilai kemahiran para pengamal untuk memastikan mereka telah mencapai tahap pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan terjemahan yang bermutu dan beretika (Korol 2020). Sistem pensijilan di Australia diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa Akreditasi Negara bagi Penterjemah dan Jurubahasa (*National Accreditation Authority for Translators and Interpreters*) yang lebih dikenali dengan singkatannya, NAATI. NAATI merupakan sebuah syarikat bukan bermotifkan keuntungan yang ditubuhkan pada tahun 1977 dan dimiliki secara bersama oleh kerajaan persekutuan serta kesemua lapan negeri dan wilayah Australia. Tujuan utama NAATI

adalah untuk menetapkan standard kebangsaan bagi sektor terjemahan, serta membekalkan pengamal terjemahan yang profesional dan bertauliah kepada pengguna. Bilangan bahasa yang terlibat dalam pensijilan NAATI kini melangkau 200 bahasa termasuk bahasa isyarat Australia (Auslan) dan bahasa pribumi Australia. Punca kuasa bagi proses pensijilan pengamal terjemahan di Australia bukan akta atau keperluan undang-undang. Sebaliknya, punca kuasanya adalah polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan berkaitan pelantikan pengamal terjemahan oleh organisasi yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan atau negeri. Terdapat tiga tahap bagi pensijilan pengamal terjemahan dan lima tahap bagi pengamal kejurubahasaan seperti dalam RAJAH 9.



RAJAH 9. Model pensijilan/pentauliah NAATI (sumber: Mark Painting, NAATI)

Pensijilan NAATI menitikberatkan aspek latihan, kemahiran bahasa Inggeris, kemahiran etika dan antara budaya dan pembangunan profesionalisme berterusan. Kesemua pensijilan NAATI adalah berasaskan ujian kecuali untuk kategori *Recognised Practising Translator* (Penterjemah Sedang Berkhidmat Yang Diperakui) dan *Recognised Practising Interpreter* (Jurubahasa Sedang Berkhidmat Yang Diperakui). Kedua-dua jenis perakuan ini tidak melibatkan ujian dan terletak pada aras paling rendah dari segi pemrofesionalan. Kedua-dua perakuan tersebut diberi untuk bahasa-bahasa yang tidak atau masih belum mempunyai sistem ujian seperti bahasa-bahasa yang mempunyai permintaan yang rendah dan bahasa-bahasa yang digunakan oleh komuniti yang baru muncul dalam masyarakat Australia. Pihak yang diberikan perakuan ini merupakan pengamal yang telah menjalani latihan formal dan mempunyai pengalaman bekerja sebagai penterjemah dan/atau jurubahasa tetapi masih belum diuji oleh NAATI.

Selain dua kategori di atas, semua jenis pensijilan melibatkan ujian yang perlu dilalui oleh calon. Pensijilan *Certified Translator* (Penterjemah Bertauliah) dan *Certified Advanced Translator* (Penterjemah Kanan Bertauliah) melibatkan ujian yang menilai kemahiran terjemahan bertulis. Ujian bagi *Certified Translator* melibatkan terjemahan teks umum manakala *Certified Advanced Translator* melibatkan teks bidang khusus. kategori *Certified Provisional Interpreter* (Jurubahasa Sementara Bertauliah) dikhususkan untuk interpretasi berturutan sahaja dan melibatkan bidang umum, manakala kategori *Certified Interpreter* (Jurubahasa Bertauliah) dikhususkan untuk

interpretasi berturutan dan serentak dan melibatkan bidang yang lebih khusus dan kompleks. Kategori *Certified Specialist Interpreter* (Jurubahasa Pakar Bertauliah) pula dikhususkan untuk jurubahasa yang pakar dalam interpretasi domain undang-undang atau kesihatan. Kategori *Certified Conference Interpreter* (Jurubahasa Persidangan Bertauliah) pula dikhususkan untuk interpretasi yang melibatkan bahasa aras tinggi dan kompleks terutamanya dalam persidangan, mesyuarat dan perundingan antarabangsa.

Kesemua penterjemah NAATI yang bertauliah dan diperakui disenaraikan dalam direktori penterjemah NAATI yang boleh diakses dengan mudah oleh pengguna secara dalam talian. Direktori tersebut mengandungi maklumat penterjemah seperti nama, jenis pentauliahan, lokasi penterjemah, nombor telefon, alamat e-mel dan laman web.

UNITED KINGDOM

Di United Kingdom terdapat dua organisasi utama yang terlibat dengan pemrofesionalan pengamal terjemahan, iaitu Chartered Institute of Linguist (CIoL) yang ditubuhkan pada 1910 dan Institute of Translation and Interpreting (ITI) yang ditubuhkan pada 1986. Perbezaan utama antara kedua-dua organisasi ini ialah ITI hanya melibatkan profesion terjemahan manakala skop CIoL lebih luas dan melibatkan semua kerjaya yang melibatkan pengkhususan bahasa. CIoL merupakan sebuah badan keahlian profesional (*professional membership body*) dalam bentuk syarikat yang tidak bermotifkan keuntungan. CIoL menawarkan keahlian profesional kepada calon yang layak setelah calon dinilai secara sistematik. Faktor yang diambil kira dalam penilaian tersebut ialah kelayakan akademik dalam bidang terjemahan, pengalaman kerja sebagai penterjemah, dan testimoni penilai. Terdapat tiga gred keahlian profesional yang ditawarkan: *Associate Member* (Ahli Bersekutu), *Member* (Ahli), *Fellow* (Felo). Calon perlu membayar yuran pentaksiran semasa mengemukakan permohonan keahlian dan perlu membayar yuran tahunan keahlian jika diterima sebagai ahli. CIoL tidak menerima sebarang dana daripada kerajaan dan bergantung sepenuhnya pada yuran keahlian untuk menanggung kos operasinya.

Di samping itu, terdapat satu cabang CIoL, iaitu CIoLQ yang merupakan sebuah badan yang menganugerahkan sijil kelayakan (*qualification awarding body*). Sijil kelayakan yang ditawarkan ialah sijil dan diploma sama ada dalam bidang terjemahan atau kejurubahasaan. Kelayakan ini merupakan kelayakan vokasional yang tertakluk pada *Office of Qualifications and Examinations Regulations, England* (Ofqual). CIoLQ hanya menjalankan peperiksaan bagi penganugerahan kelayakan berkaitan dan tidak menawarkan sebarang bentuk program latihan atau pendidikan. Kelayakan yang dianugerah oleh CIoLQ boleh digunakan (tetapi tidak semestinya) untuk tujuan permohonan keahlian profesional CIoL. Dalam erti kata lain CIoL tidak terlibat dalam sebarang penawaran program latihan untuk tujuan keahlian.

ITI pula merupakan sebuah badan keahlian profesional yang khusus untuk pengamal terjemahan. Badan ini menawarkan beberapa kategori keahlian berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman bekerja. Untuk kategori pengamal profesional ITI, iaitu *Qualified Member* (Ahli Yang Layak), calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman bekerja sebagai penterjemah selama tiga tahun (atau enam tahun jika tiada ijazah sarjana muda dalam apa-apa bidang). Terdapat dua kaedah untuk menjadi *Qualified Member*, iaitu sama ada melalui penilaian terjemahan amali atau melalui penilaian kelayakan akademik dalam bidang terjemahan yang diiktiraf ITI. Calon perlu membayar yuran permohonan dan yuran penilaian. Setelah menjadi ahli, terdapat yuran tahunan keahlian yang perlu dibayar. Kedua-dua CIoL dan ITI mempunyai daftar ahli terbuka yang boleh diakses secara dalam talian oleh pengguna. Kedua-dua badan tersebut juga tidak terlibat dengan penawaran sebarang bentuk program latihan untuk tujuan penilaian keahlian.

Program latihan yang ditawarkan terhadap kepada latihan pembangunan profesional berterusan yang menjadi syarat pembaharuan keahlian.

Di sini jelas bahawa Australia dan UK menggunakan dua model pemrofesionalan yang berbeza. Australia menggunakan model *certificaton* (pensijilan/pentauliahan) yang dilaksanakan oleh sebuah *certifying body* (badan pensijilan/pentauliahan), iaitu NAATI, dengan menggunakan kaedah ujian. Sementara itu, United Kingdom menggunakan model *professional membership* (keahlian profesional) yang dilaksanakan oleh dua badan keahlian profesional (*profesional membership body*), iaitu CIoL dan ITI. Salah satu sebab model keahlian profesional ini sesuai dengan konteks UK mungkin adalah kerana negara tersebut merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak program latihan dan pendidikan terjemahan di peringkat pengajian tinggi yang telah lama diinstitusikan, iaitu sejak tahun 1960an lagi (Coveney 1982). Sehingga hari ini, universiti-universiti di UK menawarkan banyak program terjemahan yang menjurus kepada penganugerahan kelayakan akademik dalam bidang terjemahan. Hasil carian di laman sesawang British Council (<https://study-uk.britishcouncil.org/>) tentang program akademik dalam bidang terjemahan di institusi pengajian tinggi UK menunjukkan bahawa terdapat 191 program yang di tawarkan di 44 buah IPT. Hal ini bererti bahawa syarat kelayakan akademik dalam bidang terjemahan yang ditetapkan oleh badan keahlian profesional di negara tersebut adalah munasabah. Dalam konteks Malaysia, walaupun terdapat kursus latihan terjemahan yang ditawarkan oleh pelbagai pihak, program-program terjemahan yang menjurus kepada penganugerahan kelayakan akademik (seperti ijazah sarjana muda dan sarjana) dalam bidang terjemahan amat terhad (lihat JADUAL 2). Oleh itu, model pentauliahan berdasarkan ujian boleh dianggap lebih sesuai untuk konteks Malaysia.

Meskipun cara pemrofesionalan amalan terjemahan di Australia berbeza dengan UK, terdapat beberapa titik persamaan yang seharusnya digunakan dalam pemrofesionalan amalan terjemahan di Malaysia. Sebagai contoh, kedua-dua negara tersebut, iaitu Australia dan UK mengamalkan sistem pemrofesionalan sukarela, iaitu pengamal terjemahan tidak diwajibkan melalui proses pemrofesionalan untuk menawarkan khidmat terjemahan kepada masyarakat. Cuma, dalam keadaan tertentu (cth: terjemahan teks undang-undang) terdapat arahan dalaman (di jabatan kerajaan atau syarikat swasta) untuk menggunakan hanya pengamal terjemahan yang diiktiraf secara rasmi oleh badan terjemahan berkaitan.

Badan-badan pemrofesionalan di Australia dan UK (NAATI, CIoL, ITI) juga merupakan organisasi tidak bermotifkan keuntungan. Badan-badan ini juga tidak terlibat dalam penawaran sebarang bentuk program latihan atau pendidikan bagi tujuan ujian pensijilan (NAATI) atau penilaian keahlian profesional (CIoL, ITI) untuk mengelak sebarang konflik kepentingan. Hal ini selaras dengan dapatan kajian lepas (cth. Kafi, Khoshsaligheh & Hashemi 2018; Lommel 2013) yang menegaskan bahawa entiti yang mentauliahkan/menilai penterjemah tidak boleh mempunyai sebarang percanggahan kepentingan, termasuk kepentingan komersial dengan tujuan meraih keuntungan. Oleh itu, entiti pentauliahan tersebut tidak boleh terlibat dalam aktiviti komersial khidmat terjemahan dan latihan penterjemah. Sebaliknya entiti pentauliahan tersebut perlu berfungsi sebagai *not-for-profit*. Badan-badan ini juga mensyaratkan aktiviti pembangunan profesional berterusan untuk tujuan pembaharuan pensijilan/keahlian profesional dan menyediakan daftar pengamal profesional terjemahan yang boleh diakses dalam talian oleh masyarakat umum.

CADANGAN UNTUK PEMPROFESIONALAN AMALAN TERJEMAHAN DI MALAYSIA

Kajian ini merupakan tinjauan awal yang hanya melibatkan tiga kategori pemegang taruh utama industri terjemahan di Malaysia, iaitu organisasi penterjemah, penyedia program pendidikan dan latihan terjemahan, dan pengamal terjemahan. Kajian lanjut boleh dilakukan dengan melibatkan pemegang taruh lain seperti agensi-agensi terjemahan swasta, pengguna perkhidmatan terjemahan daripada sektor awam dan swasta. Walau bagaimanapun, tinjauan awal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa landskap semasa bidang terjemahan di Malaysia sudah bersedia untuk memulakan proses pemprofesionalan untuk meningkatkan status dan memelihara integriti amalan terjemahan di negara ini. Organisasi-organisasi penterjemah telah lama wujud dan giat menjalankan aktiviti berkaitan terjemahan. Kedua-dua organisasi utama berkaitan penterjemah, iaitu PPM dan ITBM menyokong penuh usaha pemprofesionalan. Terdapat juga banyak penyedia latihan terjemahan yang dapat memenuhi keperluan proses pemprofesionalan. Hal yang lebih penting ialah hampir semua responden kajian menyokong usaha pemprofesionalan dan percaya bahawa pensijilan/pentauliahan penterjemah akan memperbaiki persepsi orang awam terhadap kerjaya penterjemah, sekali gus menaik taraf statusnya kepada sebuah profesion yang diiktiraf umum. Berdasarkan kajian ini, beberapa cadangan untuk pemprofesionalan amalan terjemahan di Malaysia dikemukakan seperti berikut:

(1) Peranan pengamal profesional dan bukan profesional dalam masyarakat

Dengan mengambil kira ciri-ciri unik bidang terjemahan serta peranan penting bukan sahaja pengamal profesional tetapi juga pengamal bukan profesional dalam masyarakat, mekanisme pemprofesionalan yang disarankan ialah mekanisme yang menggalakkan kewujudan bersama (*co-existence*) pengamal profesional dan bukan profesional. Mekanisme pemprofesionalan secara sukarela ini membolehkan penterjemah memilih sama ada hendak menjadi profesional atau tidak.

Walaupun bagaimanapun, kewujudan bersama penterjemah profesional yang bertauliah dan bukan profesional boleh mengakibatkan ketegangan dalam industri (Pérez-González & Susam-Saraeva 2012) memandangkan ramai penterjemah tidak terlatih menawarkan perkhidmatan dengan kadar bayaran yang rendah, malah ada juga yang memberi perkhidmatan secara percuma. Hal ini jelas memberikan kesan yang buruk kepada status kerjaya terjemahan sebagai aset yang berharga (Pérez-González & Susam-Saraeva 2012). Untuk mengatasi ketegangan tersebut dan membolehkan penterjemah profesional berfungsi secara berkesan dalam konteks kewujudan bersama tersebut, satu syarat utama perlu dipenuhi, iaitu peningkatan kesedaran berkaitan terjemahan dan penterjemah seperti dalam perenggan (9) di bawah.

(2) Mewajibkan pemprofesionalan untuk sektor kritikal seperti undang-undang dan perubatan

Dalam melaksanakan model pemprofesionalan sukarela ini, pengecualian perlu diberikan kepada beberapa jenis terjemahan bergantung pada keperluan dan tujuan. Sebagai contoh, penterjemah teks yang mempunyai implikasi perundangan, keselamatan atau perubatan dan boleh menjejaskan kesihatan, keselamatan, nyawa, kebajikan atau hak orang lain (*prejudicial texts*) (Barabé 2021), boleh dikecualikan daripada pilihan sukarela ini dan diwajibkan mendapat tauliah terlebih dahulu.

(3) Kaedah pemrofesionalan: pentauliahan berdasarkan ujian

Memandangkan tinjauan soal selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa majoriti pengamal tidak memiliki kelayakan akademik dalam bidang terjemahan, kaedah pemrofesionalan yang sesuai ialah kaedah pentauliahan melalui ujian terjemahan seperti yang diamalkan oleh NAATI. Untuk fasa permulaan, ujian boleh dijalankan untuk pasangan bahasa yang paling banyak digunakan dalam industri terjemahan tempatan, bermula dengan pasangan bahasa Melayu-Inggeris, seperti dalam Jadual 4. Dalam hal ini, satu kajian bagi pembangunan dan pengujian instrumen ujian pentauliahan pengamal terjemahan perlu dilaksanakan dengan kerjasama organisasi berkaitan.

(4) Entiti yang mengawal selia proses pemrofesionalan

Sistem pentauliahan ini perlu dikendalikan oleh satu entiti yang berkecuali dan bebas. Salah satu syarat yang dilaksanakan di Australia dan UK, dan diketengahkan dalam kajian lepas (Kafi et al. 2018; Lommel 2013) ialah entiti yang mentauliahkan penterjemah (*certifying body*) tidak boleh mempunyai sebarang percanggahan kepentingan (*conflict of interest*), termasuk kepentingan komersial dengan tujuan meraih keuntungan. Entiti pentauliahan tersebut perlu berfungsi sebagai *not-for-profit* manakala keahliannya terdiri daripada kalangan ahli persatuan terjemahan, pengamal terjemahan, industri terjemahan, akademik, dan agensi kerajaan. Fungsi utama entiti pentauliahan ini adalah melaksanakan tiga perkara utama:

- merangka, menetapkan standard, dan mengakreditasikan program latihan penterjemah bersepadu yang dilaksanakan oleh penyedia latihan penterjemah.
- merangka, menetapkan standard, mengurus dan menyelaraskan mekanisme pemrofesionalan penterjemah (cth. ujian/penilaian), dan
- mewujudkan, menguruskan dan menerbitkan Daftar Penterjemah dan Jurubahasa Kebangsaan yang mengandungi maklumat pendaftaran penterjemah profesional (lihat (6) di bawah).

(5) Pasangan bahasa yang masih belum dikendalikan ujian untuknya

Bagi pengamal pasangan bahasa yang masih belum dikendalikan ujian untuknya (disebabkan kekurangan kepakaran/penilai), mereka boleh dinilai berdasarkan kelayakan dan pengalaman dan, jika berjaya, boleh dikategorikan sebagai penterjemah yang diperakui (dan bukanya bertauliah) seperti yang diamalkan oleh NAATI. Penterjemah bertauliah perlu melalui proses ujian.

(6) Daftar Penterjemah dan Jurubahasa

Satu daftar dalam talian dengan akses terbuka perlu diwujudkan bagi menyenaraikan pengamal-pengamal bertauliah dan diperakui. Pengguna perkhidmatan terjemahan boleh merujuk daftar tersebut untuk memilih dan melantik pengamal untuk tugas terjemahan. Jawatankuasa pentauliahan bertanggungjawab untuk mewujudkan, menguruskan dan menerbitkan daftar tersebut.

(7) Kod etika terjemahan

Satu kod etika berkaitan amalan terjemahan perlu dibangunkan oleh Persatuan Penterjemah Malaysia dan diintegrasikan dalam program-program latihan/pendidikan terjemahan dan ujian pentauliahan pengamal terjemahan.

(8) Penyediaan program latihan yang fleksibel bagi tujuan pemrofesionalan

Program latihan yang ditetapkan untuk tujuan pentauliahan perlulah mengambil kira keperluan semasa industri secara umumnya dan ciri-ciri calon penterjemah profesional secara khususnya. Memandangkan terdapat kaitan rapat antara kepelbagaian bahasa/budaya dan penterjemah bukan profesional (seperti yang dibincangkan di atas), ramai penterjemah memulakan kerjaya mereka sebagai pengamal bukan profesional tanpa sebarang pendidikan atau latihan formal dalam bidang terjemahan. Sebaliknya, mereka membina kemahiran terjemahan mereka melalui pengalaman kerja. Program pengajian konvensional di universiti mungkin tidak sesuai bagi ramai penterjemah yang sudah bertahun-tahun berkecimpung sebagai pengamal bukan profesional dan ingin ditauliahkan dan menjadi profesional. Oleh itu perlu ada pilihan lain yang lebih fleksibel seperti *stackable learning*, *modular learning* dan *micro-credentialing* dan pembelajaran dalam talian untuk tujuan latihan penterjemah. Program latihan ini boleh ditawarkan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi tempatan dan industri termasuk Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Persatuan Orang Pekak Malaysia (MFD), dan Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (MyASLI).

Untuk memastikan program latihan dikendalikan secara berkesan dan mampu melahirkan penterjemah yang kompeten, program latihan ini perlulah diselaraskan dan dipiawaikan pada semua peringkat oleh entiti yang memberi tauliah (*certifying body*). Penyelarasan dan pemiawaian ini juga akan memudahkan proses kawalan mutu ke atas penyedia latihan latihan agar mutu dan keberkesanan program latihan dapat dikekalkan dan sebarang masalah yang timbul boleh diselesaikan dengan mudah.

(9) Kempen peningkatan kesedaran mengenai pemrofesionalan amalan terjemahan

Bagi menjayakan kewujudan bersama pengamal profesional dan bukan profesional, kesedaran perlu ditingkatkan daripada pelbagai sudut dan bagi pelbagai tujuan seperti berikut:

- Perlu adanya kesedaran umum dalam kalangan masyarakat tentang terjemahan serta pengetahuan dan kemahiran khusus yang diperlukan untuk menjadi penterjemah yang kompeten. Kesedaran ini penting kerana terdapat salah tanggapan dalam masyarakat bahawa sesiapa sahaja yang menguasai dua bahasa boleh menterjemah. Tanggapan inilah yang menjadi punca kepada status rendah kerjaya penterjemah dan penghalang utama bagi pemrofesionalan amalan terjemahan.
- Perlu adanya kesedaran khusus dalam kalangan komuniti penterjemah tentang kelebihan menjadi pengamal profesional yang bertauliah. Kesedaran ini akan menggalakkan penterjemah untuk menjadi profesional dan secara tidak langsung dapat menjamin keterlibatan sebilangan besar penterjemah dalam proses pemrofesionalan. Hal ini akan menjustifikasikan pelbagai kos yang ditanggung (seperti kos peperiksaan pentauliahan) serta menjamin kelangsungan dan keberkesanan mekanisme pemrofesionalan berkenaan.
- Perlu adanya kesedaran khusus tentang perbezaan antara penterjemah bertauliah dan tidak bertauliah daripada segi peranan, fungsi, kemahiran, risiko, kos, dan lain-lain. Kesedaran ini perlu diwujudkan dalam kalangan klien dan majikan daripada sektor awam dan swasta. Kesedaran ini akan membolehkan mereka membuat keputusan yang tepat tentang jenis penterjemah yang diperlukan (bertauliah/tidak bertauliah), dari segi mutu yang diharapkan, kos yang sanggup ditanggung dan risiko yang sedia diambil.

Dengan memperkenalkan sistem pentauliahan penterjemah, Malaysia dapat menjadi negara pertama di rantau ini yang memprofesionalkan amalan terjemahan seiring dengan negara-negara maju. Walaupun proses pemprofesionalan ini mungkin mengambil sedikit masa namun ia perlu dimulakan secepat mungkin dengan sokongan semua pihak terutamanya kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan dalam industri terjemahan.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah skim dana penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) nombor : FRGS/1/2020/SSI0/UKM/02/2, dan juga oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Geran Universiti Penyelidikan (GUP) nombor GUP-2020-056.

RUJUKAN

- Angelelli, C. (2020). Non-professional interpreting and translation (NPIT). Dlm E. Angelone, M. Ehrensberger-Dow, & G. Massey (Pnyt.), *The Bloomsbury Companion to Language Industry Studies* (hlm. 115-137). London: Bloomsbury Publishing.
- Australian Council of Professions. 2003. What is a profession? Akses dari <https://www.professions.org.au/what-is-a-professional/>
- Barabé, D. (2021). Translation status - A professional approach. *Journal of Specialised Translation* 36, 165-83.
- Bell, R. T. & Ibrahim, Z. 1997. Commonplace and indispensable: The interpreter in the new reality. *Proceedings of the Third International Conference on Language in Development*, INTAN, 23-36.
- Boéri, J. (2015). Key internal players in the development of the interpreting profession. Dlm H. Mikkelsen & R. Jourdenais (Pnyt.), *The Routledge Handbook of Interpreting* (hlm. 41-56). London: Routledge.
- Chan, A. L. J. (2008). *Information economics, the translation profession and translator certification*. Unpublished PhD Diss., Universitat Rovira i Virgili. <http://hdl.handle.net/10803/8772>
- Chan, A. L. J., & Liu, C. F. M. (2013). The translator status, the translation market and developing economies: A preliminary study of ASEAN countries. *Southern African Linguistics and Applied Language Studies*, 31(4), 435-450. <https://doi.org/10.2989/16073614.2013.864441>
- Coveney, J. (1982). The training of translators and interpreters in the United Kingdom. *Multilingua* 1(1), 42-45.
- Dam, H. V., & Zethsen, K. K. (2008). Translator status: A study of Danish company translators. *The Translator*, 14(1), 71-96. <https://doi.org/10.1080/13556509.2008.10799250>
- Dam, H. V., & Zethsen, K. K. (2009). Who said low status? A study on factors affecting the perception of translator status. *JoSTrans: The Journal of Specialised Translation*, 12, 2-36. https://jostrans.org/issue12/art_dam_zethsen.php
- Dam, H. V., & Zethsen, K. K. (2011). The status of professional business translators on the Danish market: A comparative study of company, agency and freelance translators. *Meta: Journal des Traducteurs*, 56(4), 976-997. <https://doi.org/10.7202/1011263ar>

- Dam, H. V., & Zethsen, K. K. (2014). The translator as expert — A realistic or an idealistic model? How recent empirical findings fit into existing models of translation. *Across Languages and Cultures*, 12(2), 261–278. <https://doi.org/10.1556/Acr.15.2014.2.5>
- Dam, H. V., & Zethsen, K. K. (2016). “I think it is a wonderful job”. On the solidity of the translation profession. *JoSTrans: The Journal of Specialised Translation*, 25, 174–187. https://jostrans.org/issue25/art_dam.php
- De Boe, E. (2015). The influence of governmental policy on public service interpreting in the Netherlands. *Translation & Interpreting*, 7(3), 166–84.
- Dybiec-Gajer, J. (2014). Going professional: Challenges and opportunities for the contemporary translator educators. in *TRAlinea, Special Issue: Challenges in Translation Pedagogy*, 1–8. <https://www.intralinea.org/specials/article/2104>
- Grbić, N. & Kujamäki, P. (2018). Professional vs non-professional? How boundary work shapes research agendas in translation and interpreting studies. Dlm H. V. Dam, M. N. Broegger & K. K. Zethsen (Pnyt.), *Moving Boundaries in Translation Studies* (hlm. 113–131). London: Routledge.
- Hlavac, J. (2013). A cross-national overview of translator and interpreter certification procedures. *Translation & Interpreting*, 5(1), 32–65. <https://doi.org/10.12807/ti.105201.2013.a02>
- Ibrahim, Z. (2004). Say You, Say Me. *Focus, New Sunday Times*. 31 October 2004.
- Ibrahim, Z. (2007). The interpreter as advocate: Malaysian court interpreting as a case in point. Dlm C. Wadensjö, B. Englund Dimitrova, & A-L. Nilsson (Pnyt.), *The critical link 4: Professionalisation of interpreting in the community* (hlm. 205–213). Amsterdam: John Benjamins.
- Ibrahim-Gonzales, N. (2013). Teras interpretasi. Dlm H. Haroon & H. Che Omar (Pnyt.), *Asas Terjemahan dan Interpretasi* (hlm. 137–157). Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Idzikowska, U. (2015). Public service translation in Flanders: on the continuous efforts to evolve from paraprofessionalism to professionalism. *FITISPos International Journal*, 2, 34–48. <https://doi.org/10.37536/FITISPos-IJ.2015.2.0.48>
- Kafi, M., Khoshsaligheh, M. & Hashemi, M. R. (2018). Translation profession in Iran: Current challenges and future prospects. *The Translator*, 24(1), 89–103. <https://doi.org/10.1080/13556509.2017.1297693>
- Katan, D. (2011). Occupation or profession: A survey of the translators’ world. Dlm R. Sela-Sheffy & M. Shlesinger (Pnyt.), *Identity and Status in the Translational Professions* (hlm. 65–88). Amsterdam: John Benjamins. <https://doi.org/10.1075/bct.32.06kat>
- Kivilehto, M., & Salmi, L. (2017). Assessing assessment: The authorized translator’s examination in Finland. *Linguistica Antverpiensia, New Series – Themes in Translation Studies*, 16, 57–70. <https://doi.org/10.52034/lanstts.v16i0.442>
- Koby, G. S. & Champe, G. G. (2013). Welcome to the real world: Professional-level translator certification. *Translation & Interpreting*, 5(1), 156–173. <https://doi.org/10.12807/ti.105201.2013.a09>
- Korol, T. 2020. Professional translator certification: Implications for assessment in undergraduate philologists’ training. *Bulletin of the Chersky Bohdan Khmelnytsky National University (Series pedagogical Sciences)*, 3, 63–72. <https://doi.org/10.31651/2524-2660-2020-3-63-72>
- Larson, M. S. (1979). *The Rise of Professionalism: A Sociological Analysis*. Berkeley, CA: University of California Press.

- Liu, C. F. M. (2021). Translator professionalism in Asia. *Perspectives: Studies in Translation Theory and Practice*, 29(1), 1-19. <https://doi.org/10.1080/0907676X.2019.1676277>
- Lommel, A. (2013). Alternatives to certification. *Translation & Interpreting*, 5(1), 222-234. <https://doi.org/10.12807/ti.105201.2013.r02>
- McDonough Dolmaya, J. (2011). Moral ambiguity: Some shortcomings of professional codes of ethics for translators. *JoSTrans: The Journal of Specialised Translation*, 15, 28-49. https://jostrans.org/issue15/art_mcdonough.php
- Mikkelsen, H. (2013). Universities and interpreter certification. *Translation & Interpreting*, 5(1), 66-78.
- Muhd Mansur Abdullah. (1991). Penghargaan Terhadap Terjemahan dan. Penterjemah di Malaysia: Satu Impian Semata Beberapa masalah terjemahan di Malaysia. *Prosiding Persidangan Penterjemah Antarabangsa ke-3*. Persatuan Penterjemah Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka, 196-207.
- Munday, J. (2016). *Introducing Translation Studies*. London: Routledge.
- Ordóñez-López, P. (2020). An examination of the accreditation process for sworn translators—interpreters in Spain. *Perspectives: Studies in Translation Theory and Practice*, 29(6), 900-916. <https://doi.org/10.1080/0907676X.2020.1849323>
- Pérez-González, L., & Susam-Saraeva, Ş. (2012). Non-professionals translating and interpreting: Participatory and engaged perspectives. *The Translator*, 18(2), 149-165. <https://doi.org/10.1080/13556509.2012.10799506>
- Pym, A., Grin, F., Sfreddo, C., & Chan, A. L. J. (2012). *The Status of the Translation Profession in the European Union*. Available at <https://op.europa.eu/en/publication-detail/-/publication/4e126174-ea20-4338-a349-ea4a73e0d850/language-en/format-PDF/source-220718373>
- Ruokonen, M., & Mäkisalo, J. (2018). Middling-status profession, high-status work: Finnish translators' status perceptions in the light of their backgrounds, working conditions and job satisfaction. *Translation & Interpreting*, 10(1), 1-17. <https://doi.org/10.12807/ti.110201.2018.a01>
- Salmi, L., & Kinnunen, T. (2015). Training translators for accreditation in Finland. *The Interpreter and Translator Trainer*, 9(2), 229-242. <https://doi.org/10.1080/1750399X.2015.1051772>
- Setton, R., & Guo Liangliang, A. (2011). Attitudes to role, status and professional identity in interpreters and translators with Chinese in Shanghai and Taipei. Dlm R. Sela-Sheffy & M. Shlesinger (Pnyt.), *Identity and Status in the Translational Professions Vol. 32* (hlm. 89-118). Amsterdam: John Benjamins.
- Sharafah Haji Malek. (1996). *Usaha-usaha Penterjemahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Skyba, K. (2014). Translators and interpreters certification in Australia, Canada, the USA and Ukraine: comparative analysis. *Comparative Professional Pedagogy*, 4(3), 58-64. <https://doi.org/10.2478/rpp-2014-0036>
- Spence, M. (1973). Job market signalling. *The Quarterly Journal of Economics*, 87(3), 355-374.
- Stejskal, J. (2005). Survey of the FIT Committee for Information on the Status of the Translation & Interpretation Profession. International Federation of Translators/Fédération internationale des traducteurs. Available at <http://www.fiteurope.org/vault/admission/FITsurvey2005.pdf>
- Sulaiman, M. Z., Zainudin, I. S. & Haroon, H. (2021). Professionalising the Malaysian translation and interpreting industry. *Proceedings of the 18th International Conference on*

- Translation*, edited by N. Husin, M. Majid, N. Basri, N. Ahmad, R. Rashidin, N. Samud, N. Harijaman, & J. Damsik, UTM, PPM, DBP, ITBM, 324–328.
- Sulaiman, M. Z., Haroon, H., Zainudin, I. S. & Mohamad Yusoff, M. J. H. (2024). The professionalisation of translation practice: A systematic review of the literature. *Perspectives: Studies in Translation Theory and Practice*, 32(2), 295-318. <https://doi.org/10.1080/0907676X.2022.2126323>
- Sulaiman, M. Z., & Wilson, R. (2018). Translating tourism promotional materials: A cultural-conceptual model. *Perspectives: Studies in Translation Theory and Practice*, 26(5), 629–645. <https://doi.org/10.1080/0907676X.2018.1437193>
- Sulaiman, M. Z., & Wilson, R. (2019). *Translation and Tourism: Strategies for Effective Cross-Cultural Promotion*. Singapore: Springer.
- Vigier, F., Klein, P. & Festinger, N. (2013). Certified translators in Europe and the Americas: Accreditation practices and challenges. Dlm A. Borja Albi & F. Prieto Ramos (Pnyt.), *Legal Translation in Context: Professional Issues and Prospects* (hlm. 27-51). Oxford: Peter Lang.

PENULIS

M. Zain Sulaiman ialah seorang Profesor Madya dalam bidang Pengajian Terjemahan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan seorang pengamal terjemahan untuk bahasa Inggeris, Arab dan Melayu.

Intan Safinaz Zainudin ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Minat penyelidikan beliau termasuk pemrofesionalan amalan terjemahan, kajian bahasa berasaskan korpus dan leksikografi dwibahasa.

Haslina Haroon ialah seorang Profesor Madya dalam bidang Pengajian Terjemahan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Minat penyelidikan beliau termasuk terjemahan sastera, sejarah terjemahan dan pemrofesionalan amalan terjemahan.